



Untuk Terbitan Media

29 Julai 2024

## **SIARAN MEDIA**

### **LEBIH 7,500 PENCARI KERJA HADIR GEGAR GERAK KERJAYA MEGA MYFUTUREJOBS JOHOR 2024**

**JOHOR BAHRU** – Seramai 7,504 pencari kerja hadir ke Gegar Gerak Kerjaya Mega MYFutureJobs Johor 2024.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) memaklumkan daripada jumlah itu 4,823 individu telah ditemuduga dengan 452 berjaya mendapat pekerjaan.

“Karnival yang berlangsung selama tiga hari bermula 26 sehingga 28 Julai semalam di Stadium Tertutup MBBB Arena Larkin, Johor mendapat penyertaan 50 majikan yang menawarkan lebih 6,000 peluang pekerjaan dengan pelbagai jawatan ditawarkan antaranya jawatan kosong kumpulan profesional dan berkemahiran tinggi seperti *Project Engineer*, *Quality Control Engineer*,

*Mechanical Filter & Fitter, Technical Executive dan Process Engineer* berserta tawaran gaji sehingga RM15,000.

“Karnival kerjaya kali ini juga mengambil pendekatan gamifikasi secara interaktif yang bertujuan mempelbagaikan platform kepada pencari kerja untuk merebut peluang pekerjaan yang disediakan melalui elemen permainan.

“Konsep gamifikasi menyediakan simulasi pekerjaan untuk memperkenalkan kepada pencari kerja dunia pekerjaan yang sebenar serta mencabar kemahiran melalui pertandingan yang dilihat mampu mengasah pemikiran kreatif dan meningkatkan tahap keyakinan diri.

“Program ini berupaya mengoptimalkan pepadanan pekerjaan serta membantu majikan untuk mengenalpasti pekerja yang berpotensi mengikut keperluan,” jelas PERKESO.

PERKESO turut berkongsi pelbagai perkhidmatan disediakan antaranya pendaftaran percuma di **Portal Pekerjaan Nasional, MYFutureJobs, kaunseling kerjaya** serta pendaftaran **Skim Keselamatan Sosial PERKESO seperti Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR).**

Menteri Besar Johor, Dato' Onn Hafiz Ghazi juga turut mengumumkan dalam ucapan perasmianya sebanyak **1,371** Program Karnival Kerjaya termasuk temuduga harian dan mingguan telah dilaksanakan dari tahun 2020 sehingga **15 Julai 2024** di negeri Johor yang telah melibatkan seramai **48,144** individu pencari kerja.

“Daripada jumlah ini, seramai **9,491** individu pencari kerja telah berjaya mendapatkan pekerjaan dan **17,568** individu berjaya melepasi ke peringkat seterusnya dengan keseluruhan jumlah individu yang berjaya mendapatkan pekerjaan di negeri Johor dari **2020 sehingga 15 Julai 2024** adalah seramai **104,840** orang.

Karnival ini merupakan anjuran Unit Strategik Modal Insan Johor (SMI) dengan kerjasama strategik PERKESO Johor serta Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC) yang julung kalinya membawa konsep gamifikasi yang berteraskan inovasi trend temuduga.

Turut hadir pada karnival ini adalah Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Johor, Lee Ting Han, Pengurus Besar Unit Strategik Modal Insan Johor, Tazrina Ahmad, Ketua Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan PERKESO, Azziruan Arifin dan Timbalan Ketua Eksekutif Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC), Izhar Ifni Ismail

**Tamat**

###

**Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*no one left behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**29 Julai 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Ikhlil Fatimah Kamal Redzuan**

**+6019-7107479**

[fatimah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatimah.redzuan@perkeso.gov.my)